

14 FEB 1999

KESATUAN UGUT AMBIL TINDAKAN PEMBUANGAN 20 PEKERJA

PELABUHAN KLANG, 14 Feb (Bernama) -- Kira-kira 4,000 pekerja Pelabuhan Klang mengugut akan mengambil tindakan, sekiranya masalah pemberhentian kerja 20 kerani pemandang pelabuhan itu tidak diselesaikan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) menjelang 21 Feb ini.

Setiausaha Kesatuan Pekerja-pekerja Pembekal Perkhidmatan Sampingan Pelabuhan, Pelabuhan Klang, A Balasubramaniam berkata tindakan itu merupakan "bekerja ikut peraturan", semua pekerja diarah supaya tidak berkerja lebih masa atau bertolak ansur dalam kerja-kerja harian.

Beliau berkata tindakan itu nanti sudah pasti akan memberikan kesan kepada operasi pengendalian pelabuhan, dan menyebabkan pelabuhan tidak lagi efisien.

"Ia bukan tindakan industri tetapi lebih merupakan tindakan secara halus kesatuan yang mendapat sokongan pelbagai kesatuan sekerja Pelabuhan Klang," katanya dalam sidang berita di Hotel Crystal Crown di sini hari ini.

Turut hadir pada sidang berita itu ialah wakil Kesatuan Sekerja Pekerja Klang Port Management, Kesatuan Sekerja Terminal Kontena Klang, Kesatuan Sekerja Pegawai Kanan KPM dan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Pelabuhan KPM yang menyatakan sokongan terhadap tindakan yang akan diambil itu.

Masalah itu bermula sejak Oktober tahun lepas, apabila Pelabuhan Barat mengambil 20 kerani pemandang dari sebuah syarikat usahasama Norway dan Singapura menggantikan kerani pemandang yang sedia ada, sedangkan syarikat terbabit didakwa tidak berdaftar dengan LPK sebagaimana yang disyaratkan.

Bala berkata isu ini sudah berlarutan sehingga hampir empat bulan dan sehingga kini masih tiada tanda-tanda yang menunjukkan keikhlasan LPK untuk menyelesaikannya.

Katanya beliau telah meminta bantuan MTUC, supaya meminta semua kesatuan sekerja menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyatakan kekesalan dengan kegagalan LPK menyelesaikan masalah membabitkan pekerjaan 20 kerani pemandang itu.

-- BERNAMA

AZH RI